



**Datuk Muhamad Umar Swift**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

**Para Pemegang Saham yang dihormati,**

Tahun 2024 menandakan permulaan Bursa Malaysia sebagai Bursa Pelbagai Aset, berikutan persediaan asas dan usaha sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kami juga telah mengambil langkah berani di bawah Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, untuk meningkatkan tahap pelaburan dan peluang pengumpulan dana. Kami menyampaikan tiga Strategi Teras dengan kukuh dan memacu kemajuan merentasi lima Tonggak Strategik.

## Ulasan Ketua Pegawai Eksekuti

Dengan berasaskan transformasi dan inovasi sebagai keutamaan, Bursa Malaysia memperkenalkan atau memulakan dagangan untuk beberapa produk dan perkhidmatan terus-ke-pasaran seperti Bursa Gold Dinar (BGD), BR Capital, dan MyBURSA. Bursa Malaysia mula terlibat dengan pelabur secara langsung di dalam pasaran baharu kami. Selaras dengan pendekatan baru ini, kami juga memperkenalkan logo jenama yang diperbaharui pada permulaan tahun 2024, yang melambangkan pendekatan bervis kami sebagai Bursa Pelbagai Aset.

Pasaran kami mencatat beberapa peristiwa penting sepanjang tahun ini, dengan permodalan pasaran melepasi paras RM2.0 trilion buat kali pertama pada 7 Mei 2024 dan mengakhiri tahun ini pada RM2,080.5 bilion — 15.8% lebih tinggi tahun-ke-tahun (YoY) (2023: RM1,796.4 bilion). Bursa Malaysia terus mengukuhkan peranannya sebagai pasaran yang dipercayai, memacu pertumbuhan ekonomi dan memperkasakan perniagaan. Pada tahun 2024, Bursa Malaysia mengalu-alukan 55 tawaran awam permulaan (IPO) yang jauh melebihi sasaran sebanyak 42 IPO. Prestasi yang luar biasa ini membuktikan keberkesanan inisiatif yang telah kami ambil untuk meletakkan Bursa Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk penyenggaraan, disokong oleh rangka kerja kawal selia kami yang kukuh. Tambahan lagi, berlatarbelakangkan keyakinan pasaran dan momentum dagangan yang kukuh sepanjang tahun ini, Bursa Malaysia juga mendahului bursa ASEAN dari segi pertumbuhan dalam purata nilai dagangan harian (ADV) dan halaju.

### 2024 MENCATATKAN PRESTASI CEMERLANG DI DALAM SITUASI CABARAN LUARAN

Tahun 2024 dicirikan dengan ketidakpastian di pasaran luaran, termasuk kitaran pilihan raya global, perkembangan geopolitik, dan peralihan jangkaan pelabur mengenai keputusan dasar monetari bank pusat utama yang telah mempengaruhi dinamik pasaran dan sentimen pelabur. Namun begitu, pasaran modal Malaysia menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2024. Prestasi Bursa Malaysia juga didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang teguh, perkembangan politik yang stabil, dan dasar kerajaan yang progresif. Faktor-faktor ini, digabungkan dengan penguatan ringgit dan jangkaan pemotongan kadar faedah Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (US Fed), meningkatkan keyakinan pelabur. Selain itu, seruan kerajaan Malaysia agar pelabur institusi domestik mengurangkan pelaburan luar negara dan membawa pulang dana mereka, serta pelaburan langsung asing yang ketara meningkatkan lagi keyakinan pelabur, dan kecairan dagangan. Tambahan lagi, siri Invest Malaysia, sebuah program perdana Bursa Malaysia dengan kerjasama rakan kongsi broker, terus menarik minat pelabur dengan menggalakkan perbincangan kritikal pasaran modal yang memaparkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama di Asia.

Pasaran Sekuriti mencatatkan prestasi luar biasa berdasarkan beberapa petunjuk. Penanda aras indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMKLCI) mencapai paras tertinggi sejak Disember 2020. FBMKLCI merupakan indeks penanda aras yang kedua terbaik di Asia Tenggara dengan peningkatan sebanyak 12.9% YoY dengan penutupan akhir tahun pada

tahap 1,642.3 mata (2023: 1,454.7 mata). FBMKLCI melonjak menghampiri paras tertingginya dalam tempoh 45 bulan pada 1,678.8 mata pada 30 Ogos 2024, disokong oleh prestasi baik sektor perbankan.

Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid-70 dan Indeks FTSE Bursa Malaysia Top 100, masing-masing mencapai rekod tertinggi pada bulan Julai dan Disember 2024, selepas melepasi tahap pra-Covid-19. Sementara itu, Indeks FTSE Bursa Malaysia Small Cap mencapai kemuncak tertinggi dalam 10 tahun pada 17 Julai 2024. Dari lensa industri, sektor Pembinaan, Utiliti dan Hartanah mendapat perhatian yang luar biasa, sebahagiannya timbul daripada penambahbaikan oleh pelbagai dasar kerajaan yang membentuk pertumbuhan jangka pertengahan hingga jangka panjang negara.

### PENERAJU DESTINASI TAWARAN AWAM PERMULAAN (IPO) DALAM KALANGAN BURSA ASEAN PADA TAHUN 2024

Asas perniagaan yang kukuh dicerminkan dengan jelas dalam prestasi Bursa Malaysia pada tahun 2024. Dengan pertumbuhan sebanyak 27.8% dalam hasil operasi kepada RM757.7 juta (2023: RM592.8 juta), keuntungan selepas cukai, zakat, dan kepentingan minoriti (PATAMI) kami meningkat 22.9% kepada RM310.1 juta bagi tahun 2024 (2023: RM252.4 juta).

Prestasi cergas Pasaran Sekuriti didorong oleh sentimen pelabur yang positif, keadaan ekonomi yang menggalakkan, dan pelaburan langsung asing yang meningkat. Trend ini memperlihatkan daya tarikan yang berterusan terhadap pasaran Malaysia untuk pelabur tempatan dan asing. ADV melonjak 53.2% kepada RM3.2 bilion (2023: RM2.1 bilion). Penyertaan pelabur institusi asing meningkat kepada 35.9% daripada ADV pada 2024 (2023: 29.2%). Sementara itu, pelabur institusi tempatan menyumbang sebanyak 32.1% daripada ADV pada 2024 (2023: 31.9%), dengan belian bersih berjumlah RM9,941.4 juta sepanjang tahun ini.

2024 ialah tahun yang cemerlang untuk Bursa Malaysia dari segi IPO. Kami muncul sebagai destinasi utama untuk IPO dalam kalangan bursa ASEAN dengan 55 penyenggaraan, yang mewakili peningkatan ketara sebanyak 72% berbanding 32 IPO yang dicatatkan pada tahun 2023. Prestasi luar biasa ini, antara lain, disebabkan oleh komitmen Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia untuk mempercepatkan tempoh masa kelulusan IPO bagi Pasaran UTAMA dan ACE. Rangka Kerja Pemindahan Pasaran LEAP yang diperkenalkan juga menggalakkan lima buah syarikat tersenarai Pasaran LEAP yang layak untuk berhijrah ke Pasaran ACE pada tahun 2024.

Jumlah IPO yang tinggi pada tahun 2024 secara kolektif mengumpul sebanyak RM7.4 bilion dalam hasil, mencatatkan peningkatan 108% dari tahun sebelumnya. Pada penampilan pertama mereka, 55 IPO ini menambah sejumlah RM31.4 bilion dalam permodalan pasaran (2023: RM13.6 bilion), peningkatan 130% berbanding tahun 2023. Kami optimis bahawa senarai IPO adalah kukuh, dengan jumlah penyenggaraan dijangkakan lebih tinggi pada tahun 2025.

## REKOD TERTINGGI DALAM PASARAN DERIVATIF

Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa Pasaran Derivatif juga menunjukkan pertumbuhan ketara dalam jumlah dagangan sepanjang tahun ini. Pada bulan November 2024, jumlah dagangan mencapai rekod tertinggi, dengan jumlah dagangan bulanan bagi semua produk digabungkan mencapai 2.4 juta kontrak, sementara purata kontrak harian (ADC) bulanan mencecah 113,234 kontrak (paras tertinggi sebelumnya dicapai pada bulan Mac 2020: jumlah dagangan bulanan sebanyak 2.1 juta kontrak, dan ADC bulanan sebanyak 96,639). Jumlah dagangan tahunan meningkat sebanyak 28% kepada 22.8 juta pada tahun 2024 berbanding 17.8 juta pada tahun 2023 didorong terutamanya oleh trend yang menggalakkan dalam harga Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah dan peningkatan dalam dagangan Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI. Kenaikan dalam harga dan aktiviti pasaran mendapat manfaat daripada aliran masuk dana pelaburan asing jangka pendek pada separuh tahun kedua 2024 kesan daripada pemotongan kadar faedah US Fed dan pasaran ekuiti domestik yang rancak.

Bagi Bursa Suq Al-Sila' (BSAS), tahun 2024 menyaksikan pertambahan 5.4% dalam bilangan peserta, menjadikan jumlah bilangan peserta kepada 373 (2023: 354 bilangan peserta). Namun begitu, BSAS mencatatkan ADV sebanyak RM41.3 bilion (2023: RM45.1 bilion), menyusut 8.4%, terutamanya disebabkan oleh lebih mudah tunai yang lebih rendah dalam pasaran antara bank Islam. Pengurangan dalam ADV menyebabkan penurunan yang sepadan dalam hasil dagangan BSAS, yang menurun sedikit sebanyak 0.9% kepada

RM16.9 juta (2023: RM17.1 juta). Walau bagaimanapun, pertambahan dalam jumlah bilangan peserta BSAS, termasuk institusi kewangan (FI) dan bukan FI tempatan dan asing, serta koperasi dan syarikat pembiayaan mikro, terus menyokong agenda negara untuk menjadi hab kewangan Islam global.

Hasil bukan dagangan kami meningkat sebanyak 11.3% YoY disokong oleh hasil Perniagaan Data yang lebih tinggi berjumlah RM78.3 juta (2023: RM68.0 juta). Hasil Perniagaan Data berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun sebanyak 15.1% dari 2019-2024, membentuk 10.3% daripada jumlah hasil operasi (2023: 11.5%).

Kesemua pencapaian ini menunjukkan kemajuan dan momentum kami dalam menyampaikan komitmen untuk menghasilkan lebih banyak pertumbuhan melalui pelbagai pasaran dan rangkaian platform kami.

## STRATEGI TERAS KAMI

Di bawah Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, Bursa Malaysia berusaha untuk menjadi pasaran ASEAN yang mendahului, mampan, dan saling berkait di peringkat global. Berkembang dari sebuah bursa saham tradisional kepada Bursa Pelbagai Aset, transformasi ini mempertingkatkan keupayaan kami untuk mengembangkan dan mempelbagai pelanggan kami, mencipta lebih banyak peluang, dan meningkatkan nilai mampan untuk pihak berkepentingan kami.

Berikut adalah ringkasan hasil dan inisiatif utama yang kami sampaikan untuk mengukuhkan perniagaan dan pasaran kami:

### STRATEGI TERAS

01

## PENGEMBANGAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Kami terus memperluas penawaran kami untuk memenuhi keperluan pelanggan yang pelbagai, termasuk pelancaran dan penambahbaikan seperti berikut:

### Pasaran Sekuriti:

- Dana Dagangan Bursa dengan ciri-ciri waqf pertama di dunia yang merupakan satu produk pelaburan perintis dan inovatif yang berimpak sosial, dengan tujuan untuk mewujudkan faedah nyata jangka panjang yang memupuk kesaksamaan sosial dan menangani keperluan masyarakat.
- Indeks Zakat PRIBUMI Bursa Malaysia mengukur prestasi 200 buah syarikat terbesar yang tersenarai di Bursa Malaysia yang menguntungkan dan membuat sumbangan Zakat Korporat.

### Pasaran Derivatif:

- Niaga Hadapan Minyak Kacang Soya Bursa Malaysia DCE (FSOY), kontrak niaga hadapan bukan berasaskan sawit yang pertama, dibangunkan secara kerjasama di antara sebuah bursa derivatif China dengan sebuah bursa Asia di luar China.
- Berdenomisasikan USD, Kontrak Niaga Hadapan Minyak Masak Terpakai FOB Straits (Platts) USD (FUCO), iaitu bahan api boleh diperbaharui sebagai alternatif kepada bahan api tradisional yang menyokong pihak berkepentingan dalam rantaian bekalan bahan api boleh diperbaharui.

### Perniagaan dan Penyelesaian Baharu:

- BGD, sebuah platform dagangan emas patuh Syariah untuk emas digital yang disokong sepenuhnya oleh pegangan emas fizikal, membolehkan pelabur melabur dan berdagang emas dengan selamat.
- BCX meluaskan penawaran produknya melalui pengenalan *Renewal Energy Certificates (RECs)*, *Malaysia Nature-Based Plus Carbon Contracts*, dan pemerkasaan untuk menawarkan kredit karbon *Gold Standard*.
- BR Capital, sebuah entiti usaha sama antara Bursa Malaysia Berhad dan RAM Holdings Berhad, melancarkan pasaran sekunder yang membolehkan pelabur berjual beli nota pelaburan yang dikeluarkan pada platform BR Capital.

## Ulaskan Ketua Pegawai Eksekuti

STRATEGI TERAS

02

### PEMBANGUNAN EKOSISTEM

Kami terus mengukuh dan memoden ekosistem pasaran untuk mempertingkatkan kecekapan dan daya saing. Inisiatif utama termasuk:

- Komitmen bersama dengan SC untuk mempercepatkan tempoh kelulusan untuk IPO di Pasaran UTAMA dan ACE kepada tiga bulan.
- Melancarkan e-Trade, ciri perdagangan pasaran ekuiti pertama yang diintegrasikan dalam eWallet, dengan kerjasama TNG Digital Sdn Bhd dan Affin Hwang Investment Bank Berhad.
- Melancarkan *CSI Solution*, sebuah penyelesaian komprehensif untuk menyokong syarikat dan rantaian bekalan mereka dalam menjejaki pelepasan gas rumah hijau dan menyepadukan kemampuan dalam strategi perniagaan dan operasi mereka.
- Melaksanakan pelbagai inisiatif, seperti bengkel dan program advokasi, untuk memacu kemajuan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) oleh syarikat awam tersenarai (PLC).

STRATEGI TERAS

03

### PENGALAMAN PELANGGAN (CX) BERPUSAT

Kami mempertingkatkan CX merentas beberapa titik sentuh, meningkat dan memperhalus interaksi ke arah memperoleh, mengekal dan mengembangkan asas pelanggan kami. Kami juga berusaha untuk meningkatkan kesetiaan dan penglibatan pelanggan dengan Bursa Malaysia melalui inisiatif seperti berikut:

- Melancarkan MyBURSA, yang menyediakan pelabur dengan instrumen dan pengetahuan untuk pengalaman pelaburan yang lebih baik.
- Melancarkan BURSA REACH, yang menghubungkan wakil niaga dengan pelabur untuk penglibatan yang lebih mendalam.
- Memperkenalkan laluan Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (Application Programming Interface — *API gateway*) untuk mempertingkatkan kecekapan operasi dengan memendekkan masa pengendalian untuk pembukaan akaun Central Depository System (CDS) oleh *Participating Organisations*.
- Menaik taraf sistem sokongan pelanggan, termasuk penambahbaikan dalam penyelesaian pertanyaan pelanggan merentas produk dan perkhidmatan Bursa Malaysia.
- Menambahbaik aplikasi mudah alih Bursa Anywhere dengan penambahan ciri untuk membolehkan pemindahan sekuriti antara ahli keluarga ke akaun CDS Nomini Diberi Kuasa (*Authorised Nominee*) mereka sendiri.

## MEMACU KERJASAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA DAN SERANTAU

Kami terus mempamerkan kepimpinan dan komitmen kami untuk memajukan inisiatif kerjasama serantau yang meletakkan ASEAN sebagai wilayah yang kompetitif dan menarik di peringkat global. Inisiatif Ekosistem Kelestarian Bersaling Hubung ASEAN (The ASEAN-Interconnected Sustainability Ecosystem — ASEAN-ISE) menjadi contoh usaha kami ini. Diwujudkan melalui Memorandum Persefahaman antara Bursa Malaysia, Bursa Saham Indonesia (Indonesian Stock Exchange), dan Bursa Saham Thailand (The Stock Exchange of Thailand), kerjasama ini telah berkembang dengan kemasukan Bursa Singapura (Singapore Exchange) dan Bursa Saham Filipina (The Philippines Stock Exchange). Pengembangan kumpulan ini menandakan pencapaian penting dalam kerjasama serantau, mengukuhkan cita-cita kolektif bursa ASEAN untuk menerima pakai dan melaksanakan metrik ESG yang standard dan meningkatkan ketelusan, kebolehbandingan, dan kualiti keseluruhan amalan ESG di seluruh rantau ini.

Dalam memacu integrasi serantau dan memupuk inovasi, ketua pegawai eksekutif bursa-bursa ASEAN telah melakar jalan yang jelas ke hadapan dengan empat pembuktian konsep (*proof-of-concept*) penting yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun akan datang. Ini termasuk:

- Penubuhan infrastruktur data ASEAN,
- Pembinaan kapasiti untuk penerbit tersenarai,
- Pembiayaan peralihan untuk pembekal-pembekal korporat, dan
- Peniktirafan ESG serantau.



**Untuk memastikan kami kekal sebagai Bursa Pelbagai Aset yang kompetitif, kami bertekad dalam komitmen kami untuk mengembangkan dan meningkatkan produk, perkhidmatan dan penyelesaian kami, memacu pertumbuhan yang bermakna, dan mencipta nilai yang berkekalan untuk semua. Bursa Malaysia terus mengharapkan kerjasama dan pencapaian yang berterusan pada masa akan datang.**



Selain itu, bursa ASEAN bersetuju untuk meneruskan kerjasama dalam menawarkan Resit Depositori di bursa masing-masing, mempertingkatkan ketersambungan pasaran dan menyediakan akses yang lebih luas kepada peluang serantau untuk pelabur.

Bursa Malaysia juga bekerjasama dengan program *Mobilising Institutional Capital Through Listed Product Structures (MOBILIST)*, UK, untuk membolehkan pelaburan yang lebih besar dalam peralihan tenaga dan memajukan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan usaha kami dalam memacu inovasi, menekankan keutamaan ESG, dan kewangan mampan seterusnya menyumbang kepada penambahbaikan pasaran modal dan ekonomi.

Bursa Malaysia juga menjadi tuan rumah bagi Perhimpunan Agung Persekutuan Bursa Dunia (*World Federation of Exchanges General Assembly*) kali ke-63 dan Mesyuarat Tahunan di Kuala Lumpur, selanjutnya mempamerkan kepimpinan Bursa Malaysia di pentas global, merupakan perhimpunan melebihi 300 orang delegasi untuk perbincangan yang mendalam mengenai keutamaan industri.

## MAJU KE HADAPAN

Memandangkan kemungkinan masalah global akan berterusan, persekitaran operasi Bursa Malaysia dijangka kekal mencabar. Walaupun terdapat kemungkinan turun naik pasaran yang lebih tinggi di seluruh dunia, namun, kami kekal komited dalam meningkatkan penawaran, ekosistem pasaran, dan pengalaman pelanggan semasa kami untuk terus maju sebagai Bursa Pelbagai Aset. Dalam inisiatif strategik yang ditetapkan dalam Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, kami menyediakan asas dan laluan yang kukuh untuk pertumbuhan yang mampan pada masa depan. Bursa Malaysia akan memberi tumpuan kepada memanfaatkan pasaran teras dan perniagaan baharu untuk menyampaikan hasil jangka terdekat dan masa hadapan, sebagai platform yang komprehensif dan dipercayai untuk pengumpulan dana, pelaburan, dan pengurusan risiko.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak pasukan pengurusan Bursa Malaysia, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak berkepentingan kami – termasuk Kementerian Kewangan, SC, Bank Negara Malaysia, kementerian dan agensi kerajaan, peserta pasaran, rakan industri, Lembaga Pengarah Bursa Malaysia, dan Warga Bursa kami. Komitmen, bimbingan, sokongan, kerja keras dan dedikasi mereka membolehkan Bursa Malaysia terus **Mewujudkan Peluang, Meningkatkan Nilai** (*Creating Opportunities, Growing Value*) dan mencapai tahap yang lebih tinggi.

Ini merupakan mesej terakhir daripada saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia. Dengan ini, izinkan saya merenung secara ringkas perjalanan saya menerajui organisasi ini. Sepanjang enam tahun ini, saya amat berbangga memimpin transformasi dan pencapaian kolektif Bursa Malaysia. Bersama-sama pasukan saya dan disokong oleh pengawal selia, kami telah membuat kemajuan yang ketara – melaksanakan inovasi tambahan dan mencipta platform baharu. Tujuan saya adalah untuk mengubah Bursa Malaysia dari sebuah bursa yang lebih tradisional kepada Bursa Pelbagai Aset – untuk memperluaskan lagi pelanggan dalam pasaran modal, dan untuk membina garisan pendapatan baharu untuk masa depan. Saya akan sentiasa menyokong Bursa Malaysia dari luar, dengan keyakinan bahawa perkara yang lebih baik akan berlaku pada masa akan datang untuk Bursa Malaysia dan pasaran modal Malaysia. Adalah satu penghormatan besar buat saya dapat berkhidmat kepada pelbagai pihak berkepentingan institusi yang penting ini.



**Datuk Muhamad Umar Swift**  
Ketua Pegawai Eksekutif